

Bayi meninggal di pusat asuhan

Punca kejadian masih belum diketahui, kesemua pekerja ditahan untuk bantu siasatan

■ ASYRAF MUHAMMAD

PETALINGJAYA - Seorang bayi perempuan berusia tiga bulan maut secara tiba-tiba ketika berada dalam jagaan sebuah pusat asuhan yang beroperasi di Bandar Utama, semalam.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisier Azmi Abu Kassim berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu sekitar jam 1.58 tengah hari melalui salah seorang pekerja di pusat asuhan tersebut.

Menurut Azmi, menerusi siasatan awal, Mah Xian Ni, 3, didapati meninggal dunia ketika berada dalam jagaan pu-



AZMI

sat pengasuh yang telah beroperasi sejak lapan tahun lalu dan turut mempunyai enam pekerja.

"Pemilik pusat jagaan ini telah mempunyai pengalaman lebih kurang 20 tahun dan me-



Antara pekerja di pusat asuhan berkenaan yang ditahan bagi membantu siasatan.

reka turut mempunyai seramai 29 kanak-kanak yang dijaga pada setiap hari," katanya ke-

pada Sinar Harian, semalam. Selain itu, Azmi me-

lumkan bahawa pada pagi kejadian, ibu mangsa, Liew Huey Goon telah memberi susu kepada mangsa sekitar

jam 9 pagi sebelum dihantar ke pusat asuhan tersebut.

Jelas Azmi, ketika dihantar ke pusat asuhan berkenaan sekitar jam 9.30 pagi, Huey Goon memaklumkan bahawa anaknya berada dalam keadaan sihat malah masih berjaga.

"Ibu bapa Xian Ni telah menghantar mangsa sejak dari kecil untuk dijaga di sini dan kita sedang mengenal pasti punca sebenar kejadian ini ber-laku," katanya.

Kesemua pekerja di pusat asuhan berkenaan juga turut ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya bagi membolehkan siasatan terperinci berhubung kes berkenaan dapat dijalankan.

Bayi tiga bulan maut di pusat jagaan

KUALA LUMPUR 8 Sept - Sepasang suami isteri hanya mampu menangis apabila dimaklumkan bayi perempuan mereka yang berusia tiga bulan, Mah Xian Ni, maut ketika berada dalam jagaan pengasuh di sebuah pusat asuhan di Bandar Utama, Damansara di sini hari ini.

Punca kejadian belum diketahui dan polis sedang menyiasat dari pelbagai sudut termasuk kemungkinan bayi itu maut akibat

kecuaiannya hingga menyebabkannya tersedak susu atau didera.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisier Azmi Abu Kassim berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian kira-kira pukul 1.58 tengah hari daripada pihak pengurusan pusat pengasuh tersebut.

"Pasukan forensik telah dihantar ke tempat kejadian dan punca kejadian masih dalam siasatan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Azmi, setakat ini pihaknya tidak melakukan tangkapan dan mayat mangsa telah dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Petaling Jaya lewat petang ini dan bedah siasat hanya akan dilakukan esok.

Tambahnya, pusat jagaan tersebut telah beroperasi sejak lapan tahun lalu dan mempunyai enam orang pekerja yang menjaga 29 kanak-kanak serta beroperasi setiap Isnin sehingga Jumaat.

Baby girl dies at daycare centre

By NICHOLAS CHENG
nicholascheng@thestar.com.my

PETALING JAYA: A three-month-old baby girl died at a daycare centre in Bandar Utama.

Police said there were no clear signs of abuse on the child but they were investigating the cause of death.

Petalang Jaya OCPD ACP Azmi Abu Kassim said they received an emergency call from the daycare centre at 1.58pm yesterday and found the infant to be unresponsive.

"The baby was pronounced dead at the daycare centre. But we have yet to determine the cause of death.

"A post-mortem will be performed on Tuesday (today)," ACP Azmi said.

He said the child was fed milk by her mother at about 9am yesterday and was dropped off at the daycare centre in reportedly healthy condition, half an hour later.

The child was among 29 other children being watched over by the centre at the time, which has been operating here for eight years now.

Six nannies were working at the centre during the baby's time of death.

ACP Azmi said the police had yet to classify the case as the cause of death had not been established yet.

Bayi mati mengejut di pusat asuhan

Kuala Lumpur: Sepasang suami isteri menangis pili di bilik mayat Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) selepas bayi perempuan mereka yang baru berusia tiga bulan mati mengejut petang semalam.

Dalam kejadian jam 1.45 petang itu, mangsa dikatakan tidak sedarkan diri sebelum mati di sebuah pusat asuhan di Bandar Utama di sini.

Difahamkan penjaga di pusat asuhan berkenaan membuat panggilan kecemasan melalui MERS 999 untuk mendapatkan bantuan selepas bayi itu, Mah Xian Ni, didapati tidak sedarkan diri.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisier Azmi Abu Kassim berkata, pihaknya menerima laporan kematian bayi terbabit daripada pemilik pusat asuhan berkenaan pada jam 1.58 petang.

Katanya, sepasukan anggota polis forensik dikerah ke lokasi kejadian untuk menjalankan siasatan sebelum mayat bayi terbabit dihantar ke PPUM untuk menjalani bedah siasat.

"Setakat ini punca kematian masih di-siasat dan pihak polis menunggu hasil bedah siasat esok (hari ini) untuk mengetahui punca sebenar kematian bayi malang ini.

"Ibu bapa mangsa mendakwa bayi itu dihantar ke pusat berkenaan setiap hari Isnin hingga Jumaat sejak dua bulan lalu," katanya ketika dihubungi, semalam.

U in M/S 13
9/9/14

9/9/14 pg 10

STAR

m 9/9 pg 45